

12 OCT 1997

DAP-IT

TELEKOM PERLU IKUT KADAR LAMA UNTUK PENGGUNA INTERNET

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Telekom perlu balik kepada sistem bayaran lama dengan menghapuskan sistem beraskan masa sebagai satu langkah untuk menjadi Kempen Kesedaran IT Kebangsaan lebih berkesan, kata Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang.

Katanya bilangan pengguna Internet di Malaysia sekarang seramai 160,000 adalah jauh dari sasaran Mimos sebanyak 500,000 menjelang akhir tahun ini.

"Punca utama penurunan kadar penggunaan Internet di Malaysia, yang pada bulan April tahun lepas meningkat 22 peratus sebulan, ialah kadar bayaran telefon yang tinggi, khususnya sistem bayaran berasaskan masa yang diperkenalkan oleh Telekom bulan Jun tahun lepas," katanya dalam satu kenyataan hari ini yang memberikan enam cadangan bagi menjadikan kempen itu lebih berkesan.

Pertama, katanya satu jawatankuasa peringkat tinggi Kempen Kesedaran IT Kebangsaan yang diwakili oleh parti-parti politik, badan-badan sosial, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan kesatuan sekerja perlu ditubuhkan dan bertanggungjawab membuat perancangan dan melaksanakan pelan tindakan IT.

Lim yang juga ketua pembangkang berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu mengisytiharkan sasaran 500,000 pengguna Internet menjelang akhir tahun depan.

Beliau juga mencadangkan kerajaan menjadikan guru-guru sebagai kumpulan sasaran dan mengadakan program dua tahun bagi memastikan menjelang tahun 2000, 250,000 guru celik komputer.

Katanya ini adalah kerana sekarang terdapat 250,000 guru dalam negara ini dan sebilangan besar dari jumlah itu buta komputer.

Lim juga mencadangkan kerajaan memberi pinjaman tanpa faedah kepada 250,000 guru itu untuk membeli komputer peribadi.

Katanya kerajaan juga perlu hentikan menyekat saluran maklumat dan sebaliknya menggalakkannya lagi. -- BERNAMA

HAK WAT